

21/11/1999

PM terkilau Harun Din tidak bertanding

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menyangka beliau akan ditentang oleh ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Subky Latif di Kubang Pasu kerana sebelum ini Datuk Dr Harun Din dikatakan mahu bertanding di kawasan itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata walau siapa pun bertanding, beliau yakin pengundi boleh menilai kebolehan lawannya.

Malah, katanya, beliau bersyukur jika memperoleh majoriti yang sama pada pilihan raya lalu, iaitu 17,226 undi.

Walaupun menyifatkan Subky sebagai orang luar yang tidak pernah berjasa dan mengetahui masalah penduduk tempatan, Dr Mahathir berkata beliau sendiri tidak boleh terlalu yakin.

"Kadangkala jika kita terlalu yakin, pengundi tidak keluar mengundi dan inilah masalah yang kita hadapi.

"Semua orang kata Barisan Nasional (BN) akan menang majoriti besar, jadi mereka tak keluar. Bagaimanapun, satu undi pun dikira menang juga," katanya kepada pemberita di pusat penamaan calon di Pejabat Daerah Kubang Pasu semalam.

Ditanya mengenai isu kempen pilihan raya di Kubang Pasu, Dr Mahathir berkata, pilihan raya ini untuk menubuhkan kerajaan dan hasrat kerajaan amat jelas berhubung perkara itu.

Mengenai ketiadaan Dr Harun, Perdana Menteri berkata: "Saya ingat mula-mula Harun Din hendak lawan saya, tetapi tidak jadi," katanya.

Dr Harun yang dikatakan akan bertanding di Kubang Pasu juga tidak bertanding sebarang kerusi di Perlis seperti ura-ura sebelum ini bagi menentang Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim, di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tambun Tulang.

Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin ketika ditemui di Arau, berkata, Pas terpaksa mengetepikan Dr Harun sebagai jalan selamat berikutan beliau menghadapi masalah dengan bank kerana menjamin pinjaman seseorang.

Bagi mengelak Harun diisytiharkan muflis, jika peminjam terbabit tidak menjelaskan hutangnya, Pas mengambil keputusan tidak mencalonkannya.

(END)